

**Kuala Lumpur:** Prestasi cemerlang ditonjolkan penerjun negara Cheong Jun Hoong di Kejohanan Akrobatik Dunia FINA menambah peluang buat sukan terjun mengumpul lebih banyak pingat pada Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur.

Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Datuk Ahmad Shapawi Ismail berkata kejayaan Jun Hoong bukan saja kejayaan buat dirinya dan skuad terjun negara sebaliknya memberi motivasi serta semangat kepada kontinjen Malaysia. "Kejayaan ini amat manis bukan saja membuktikan terjun antara sukan elit ne-

# Perintis semangat kontinjen negara

gara, malahan pasukan negara berjaya menempatkan diri sebagai juara dunia yang selama ini didominasi negara terkuat dalam sukan ini iaitu China. "Kejayaan ini amat tepat sekali dengan aspirasi Transformasi Sukan Negara yang membolehkan wujudnya Program Podium. Ia membuktikan kita mampu menjadi juara dunia," katanya semalam.

Jun Hoong yang juga pemenang perak Olimpik Rio bersama Pandelega Rinong

dalam 10m platform seirama mengumpul 397.50 mata untuk memastikan lagu Negaraku berkumandang di Duna Arena, Budapest, awal pagi semalam (waktu Malaysia).

Dia menewaskan dua pesaing terkuat dari China - Si Yijie (bekas juara dunia) dan Ren Qian (pemenang emas Olimpik Rio) - selepas masing-masing mengumpul 396.00 dan 391.95 mata untuk perak dan gangsa. - BERNAMA